

Derita akibat pencemaran bau

Penduduk kesal tiada tindakan diambil pihak berwajib

PETALING JAYA – Masalah bau busuk berpunca daripada kolam air kumbahan di PJU 8/7 Desa Temuan, Damansara Perdana dekat sini menyebabkan penghuni di lapan buah rumah di situ menderita akibat pencemaran bau.

Masalah yang berlarutan sejak sekian lama itu dilihat tidak menemui sebarang penyelesaian meskipun perkara berkenaan di dalam perhatian pihak berwajib.

Penduduk, Zakiah Abdullah, 29, berkata masalah bau busuk di situ semakin ketara terutama apabila cuaca kering.

Menurut Zakiah, kolam yang dahulunya mengalirkan mata air kini menjadi kotor setelah ianya menjadi tempat buangan sisa kumbahan di sekitar kawa-

san Damansara Perdana.

“Dahulu tidak seteruk sekarang hinggalah kami di sini tidak dapat hidup selesa selepas air kotor tersebut disalurkan ke kolam yang kedudukan berada betul-betul di belakang rumah kami,” katanya.

Difahamkan, perbincangan bersama Majlis Bandaraya Petaling (MBPJ) dan Jabatan Pengairan Saliran (JPS) sudah dibuat namun keadaan masih tidak berubah.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Azizah Mat, 54, berkata masalah bau busuk turut menjejaskan kesihatan penduduk di situ.

Menurutnya, cucunya berusia dua tahun kini terpaksa ditahan di wad kerana mengalami jangkitan kuman dan dok-



■ Zakiah merenung kolam takungan berbau busuk di belakang rumahnya.

tor telah mengesahkan punca jangkitan tersebut disebabkan persekitaran kotor.

“Masalah ini sepatutnya boleh diselesaikan kerana air kotor bukan sahaja membawa pe-

nyakit malah setiap kali hujan air di kolam berkenaan akan naik tinggi dan melimpah ke kawasan rumah,” katanya.

Jelas, masalah itu perlu ada tindakan segera kerana janji-janji yang mengatakan kawasan itu mahu dibersihkan dan saluran air buangan itu dihalakan ke tempat lain hanya janji kosong.

Sementara itu, Ahli Majlis MBPJ Zon 1, Syed Abdul Malik Syed A.Hamid Al-Jafree menjelaskan, perkara tersebut adalah di bawah tanggungjawab JPS dan JPS perlu membersihkannya demi kesejahteraan penduduk.

“Perkara ini sudah dimaklumkan dan JPS sudah menghantar wakil dan saya harap perkara ini dapat dilaksanakan segera,” katanya.